

TINTA BICARA

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته dan Salam Sejahtera,

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan inayah-Nya, UiTM Cawangan Selangor telah melaksanakan amanah yang dipertanggungjawabkan dengan penuh komited dan cemerlang sepanjang tahun 2023. Setiap perancangan yang direncana, alhamdulillah telah dilaksanakan dengan jayanya dan berdedikasi oleh seluruh warga UiTM Cawangan Selangor. Terima kasih dirakamkan kepada barisan Pengurusan Eksekutif dan seluruh warga UiTM Cawangan Selangor atas sokongan, kerjasama dan sinergi sebagai satu pasukan yang mantap dalam menjayakan semua program dan aktiviti yang dirancang.

Syabas juga saya ucapkan atas pencapaian cemerlang **Enam (6) Bintang Skor i-UiT**M bagi Petunjuk Prestasi (PI) Tahun 2023 dengan memperolehi 100% pencapaian keseluruhan 15 PI. Tidak terlewat juga untuk saya merakamkan ucapan tahniah atas kejayaan merangkul dua (2) anugerah iaitu **Johan Keseluruhan** dan **Anugerah Pengurusan Denggi Terbaik** sempena Anugerah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Bebas Denggi Peringkat Kebangsaan 2023, pada Oktober yang lalu. Semoga kecemerlangan ini dapat diteruskan ke arah mencapai prestasi yang lebih gemilang.

Pada tahun 2024, pastinya komited sebegini amat diperlukan dalam merancang dan melaksanakan pelbagai lagi inisiatif dan pembaharuan yang dapat memberikan impak positif terhadap warganya, pemegang taruh dan komuniti setempat, melalui pelaksanaan dan pencapaian objektif strategik dengan profesionalisme dan integriti yang tinggi.

Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan kepada ahli jawatankuasa Sidang Editorial Laporan Tahunan UiTM Cawangan Selangor 2023 kerana telah berjaya menghasilkan penerbitan ini. Diharap, dokumen ini menjadi rujukan yang bermanfaat buat semua warga universiti serta menjadi panduan untuk kita terus progresif dalam merealisasikan amanah yang diberikan.

Profesor Datuk Dr. Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin, FASc

Naib Canselor